



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

LAPORAN RINGKAS

Tajuk Laporan	Perkongsian Ilmu melalui program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) mengenai pendedahan teknologi terkini bidang pengukuran dan skop pengukuran ukur kejuruteraan bersama Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Perak
Tarikh	28 September 2021
Medium	Secara Dalam Talian: Pelantar <i>Zoom</i>
Penyertaan	106 pelajar Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Ukur Bahan, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Perak

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) berbesar hati menerima jemputan dan menjayakan suatu program perkongsian ilmu secara dalam talian daripada Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang Perak.

Dua (2) orang Pegawai INSTUN, Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor (Ketua Program Ukur Geodetik) dan Sr Siti Arifah binti Abdul Kader (Penolong Ketua Program Ukur Geodetik) telah dijemput buat kali kedua oleh Politeknik SAS untuk menyampaikan ceramah berkaitan ukur & pemetaan dan memberi pendedahan akan teknologi peralatan ukur yang terkini kepada 106 pelajar Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Ukur Bahan. Berikut adalah kandungan program:

Slot 1: Pengenalan Ilmu Ukur

Penceramah: Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor

Slot 2: Pengenalan Skop dan Kerja Berkaitan Ukur Kejuruteraan

Penceramah: Sr Siti Arifah binti Abdul Kader

Slot 3: Teknologi Peralatan Ukur

Penceramah: Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor & Sr Siti Arifah binti Abdul Kader

Program yang dilaksanakan selama 4 jam menerusi pelantar *zoom* ini, telah menganjurkan soalan kuiz berkaitan ukur dan 5 orang pelajar telah dipilih sebagai pemenang dan akan mendapat saguhati daripada pihak INSTUN. Tahniah diucapkan.

Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pengurusan Politeknik Sultan Azlan Shah Behrang, Perak dan barisan pensyarah Kejuruteraan Awam dan Ukur Bahan diatas kesediaan menjemput penceramah INSTUN untuk berkongsi ilmu dalam bidang ukur dan pemetaan. Semoga kerjasama diantara INSTUN dan PSAS akan berterusan dengan pelbagai lagi jalinan kerjasama di masa akan datang.

Disediakan oleh:

Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN

GAMBAR SEPANJANG PROGRAM



Gambar 1: Program yang diadakan menerusi secara dalam talian melalui pelantar zoom



Gambar 2: Slot 1 iaitu Pengenalan Ilmu Ukur yang disampaikan oleh Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor



Gambar 3: Slot 2 iaitu Pengenalan Ukur Kejuruteraan yang disampaikan oleh Sr Siti Arifah binti Abdul Kader



Gambar 4: Sesi pendedahan pelbagai peralatan ukur yang disampaikan oleh Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor dan Sr Siti Arifah binti Abdul Kader